

13/02/1997

Umno Kelantan tubuh panel proses keahlian bekas S46

KOTA BHARU, Rabu - Badan Perhubungan Umno Kelantan membentuk sebuah jawatankuasa khas bagi membantu ibu pejabat Umno menyelenggara proses kemasukan bekas ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46) menyertai Umno.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Annuar Musa, berkata perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno dan dipersetujui Pengerusi Umno Negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"MT memutuskan proses kemasukan secara en bloc ini diselesaikan segera dan badan perhubungan Umno negeri dikehendaki membantu mempercepatkan urusan kemasukan mereka.

"Kita mahu proses permohonan disempurnakan segera dan Dr Mahathir bersetuju agar kita wujudkan jawatankuasa bagi menyegerakan urusan membantu ibu pejabat Umno memproses semua permohonan ahli bekas S46," katanya pada sidang akhbar, di sini, hari ini.

Annuar berkata, jawatankuasa itu akan meneliti dokumen yang dikeluarkan dan mencari kaedah paling sesuai, termasuk rundingan dengan pemimpin bahagian, bagi menyelaras proses kemasukan.

(END)